

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu graduan menganggur untuk mendapatkan pekerjaan dan apakah usaha bagi mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan sedang berusaha agar pelbagai peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan ditawarkan kepada graduan baharu serta pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat kemelesetan ekonomi tahun ini. Inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

- a. menambahbaik **ekosistem tenaga bakat muda negara dan pembangunan kebolehpasaran graduan** melalui pelaksanaan program oleh TalentCorp dengan pencapaian bagi tahun 2020 sehingga 6 November 2020 seperti berikut :
  - i. seramai **3,037 orang** telah menyertai **Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme (SIP)*)**;
  - ii. Seramai **128,000 orang** telah menyertai program ***Nurturing EXpert Talent (NEXT)***;
  - iii. Seramai **6,922 orang** telah menyertai program ***Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)***;
  - iv. Seramai **2,237 orang** telah menyertai program ***Young Employable Students (YES!)***; dan
  - v. 2 sesi **Kolaborasi Industri-Akademia (IAC)** telah diadakan di antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (*Medical Industry*) dan UiTM (*General Study*).
- b. melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti **Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)** untuk meningkatkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. SLDN adalah sistem pembelajaran di mana 70% – 80% latihan praktikal dilaksanakan di tempat kerja dan 20% - 30% pembelajaran teori di pusat latihan. Sistem latihan sebegini dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan merupakan

salah satu usaha Kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan bagi menangani masalah pengangguran.

- c. melaksanakan **Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentives Programme*)**, Bantuan Mobiliti dan Program Latihan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (**PENJANA**). Inisiatif ini adalah bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan. Pencapaian program-program **di bawah PENJANA** bermula dari **5 Jun sehingga 13 November 2020** adalah seperti berikut:
- (i) program ***MyApprentice*** memberi keutamaan diberi kepada graduan baharu dan pelajar lepasan sekolah. Insentif kewangan sebanyak **RM600** bagi pengambilan perantis dari kalangan graduan baharu atau lepasan sekolah dan **RM1000** untuk pengambilan perantis Orang Kurang Upaya dari kalangan graduan baharu. Seramai **5,150** perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program ***MyApprentice***;
  - (ii) program ***HireMalaysia*** adalah untuk pengambilan pekerja tempatan yang juga termasuk graduan. Seramai **72,823** pekerja telah berjaya ditempatkan;
  - (iii) **bantuan mobiliti** secara ***one-off*** diberi kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Seramai **3,983** orang pekerja telah mendapat faedah melalui inisiatif ini.
  - (iv) program **latihan** untuk graduan dan pekerja berdasarkan keperluan majikan. Seramai **9,327** graduan dan pekerja telah mendapat manfaat dari program latihan;
- d. selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang dikenali ***MYFutureJobs***. Sejak ***MYFutureJobs*** diperkenalkan, 106,937 pemohon telah

## SOALAN NO : 26

berjaya ditempatkan dan seramai 55,757 adalah dalam lingkungan umur 20 tahun sehingga 29 tahun ;

- e. bagi memudahkan graduan dan pencari kerja, PERKESO telah melaksanakan program Karnival PenjanaKerjaya. Setakat 30 Oktober 2020, sebanyak 229 program Karnival PenjanaKerjaya telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 541 majikan dan berjaya menempatkan 4,060 para graduan dan pencari kerja yang lain; dan

2. Seterusnya, dalam usaha Kerajaan untuk menyediakan pekerja-pekerja berkemahiran yang memenuhi keperluan industri, beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian, antaranya:

- a. Pada tahun 2019, di bawah *Technical Working Groups (TWG-S)*, sebanyak 19 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk melatih tenaga pengajar dan tenaga kerja. Manakala bagi tahun 2020, kebanyakan pelaksanaan program terpaksa ditangguhkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19. Kerajaan menjangkakan pelaksanaan pada tahun hadapan akan meningkat dan lebih cemerlang selepas pelaksanaan PKP tamat.
- b. Kerajaan telah menyediakan insentif latihan secara dalam talian. MDEC dengan kerjasama Coursera telah memperkenalkan satu inisiatif pembelajaran secara dalam talian bagi melatih warganegara Malaysia yang hilang pekerjaan dan tidak bekerja khusus dalam bidang digital. Sehingga September 2020, seramai 21,733 orang telah diluluskan untuk menjalani latihan digital dalam talian.

Sekian, terima kasih.